

# NOTA RINGKAS

## Perakaunan Kos

### 1. Maksud perakaunan kos, konsep dan jenis kos

- **Perakaunan kos** adalah satu proses pengukuran kos barang yang dikeluarkan atau kos perkhidmatan yang disediakan dengan menggunakan kaedah-kaedah yang sistematik.
- Maklumat perakaunan kos ini digunakan oleh pengguna dalaman, terutamanya pihak pengurusan bagi tujuan:
  - Perancangan pengeluaran.
  - Kawalan operasi pengeluaran.
  - Pembuatan keputusan.
- **Kos adalah perbelanjaan sesebuah firma atas penggunaan faktor-faktor pengeluaran bagi mengeluarkan barang.**
- **Kos** ini boleh dibahagikan kepada **dua jenis**, iaitu:
  - Kos berubah; dan,
  - Kos tetap

### 2. Komponen kos pengeluaran

- Kos pengeluaran merujuk kepada semua kos yang terlibat dalam proses pengeluaran sesuatu produk / barang. Komponennya terdiri daripada:
  - Kos bahan langsung
  - Kos buruh langsung
  - Kos belanja langsung
  - Kos overhead
- Rumus pengiraan kos pengeluaran adalah:

$$\begin{aligned} \text{Kos pengeluaran} \\ &= \text{Kos bahan langsung} + \text{Kos buruh langsung} + \text{Kos belanja langsung} \\ &\quad + \text{Kos overhead} \end{aligned}$$

- **Kos bahan langsung** adalah kos bahan utama yang digunakan dalam pengeluaran sesuatu produk dan boleh dikesan secara langsung kepada produk. Contoh kos bahan langsung adalah kos kayu, fabrik dan varnis dalam proses pengeluaran perabot.
- Kos bahan langsung adalah satu jenis kos berubah pengeluaran. Ini bererti ia akan **berubah selaras dengan perubahan dalam tingkat pengeluaran.**
- Rumus pengiraan kos bahan langsung untuk satu tempoh perakaunan:

$$\begin{aligned} \text{Kos bahan langsung} \\ &= \text{Inventori awal bahan langsung} + \text{Kos belian bahan langsung} - \text{Inventori} \\ &\quad \text{akhir bahan langsung} \end{aligned}$$

\*Kos belian bahan langsung

= Belian bahan langsung – Pulangan belian bahan langsung + Belanja-belanja belian bahan langsung

*Belanja-belanja belian bahan langsung merujuk kepada angkutan masuk, insurans belian, duti belian dan lain-lain belanja yang berkait secara langsung dengan proses pemerolehan bahan langsung, jika ada.*

- **Kos buruh langsung** adalah belanja yang dibayar untuk buruh yang terlibat secara langsung dengan pengeluaran sesuatu produk / barang. Buruh-buruh ini bertanggungjawab menukarkan bahan utama kepada barang siap.
- Kos buruh langsung adalah satu jenis kos berubah. Seperti kos bahan langsung, kos buruh langsung juga akan **berubah selaras dengan perubahan dalam tingkat pengeluaran.**
- **Kos belanja langsung** adalah pembayaran yang dibuat kepada pemegang harta intelek yang digunakan oleh kilang untuk mengeluarkan produknya. Kos ini juga berubah secara selaras dengan perubahan dalam tingkat pengeluaran.
- Contoh kos belanja langsung adalah **royalti, cap dagangan, paten dan hak cipta.**
- **Kos prima** adalah kos utama pengeluaran, iaitu semua kos yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pengeluaran. Maka, kos prima **terdiri daripada kos bahan langsung, kos buruh langsung dan kos belanja langsung.**
- Rumus pengiraan kos prima adalah:

**Kos prima**

**= Kos bahan langsung + Kos buruh langsung + Kos belanja langsung**

*\*Jika sesebuah perniagaan tidak mempunyai kos belanja langsung, maka kos prima hanya terdiri daripada kos bahan langsung dan kos buruh langsung.*

- **Kos overhed** adalah kos-kos yang dibelanjakan untuk menyediakan infrastruktur bagi proses perkilangan. Kos overhed tidak terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran.
- Sebahagian besar daripada **kos overhed adalah tetap**, iaitu kos yang **tidak berubah dengan perubahan dalam tingkat pengeluaran.**
- Contoh kos overhed pengeluaran adalah kos bahan tak langsung, kos buruh tak langsung, sewa kilang, kadar bayaran kilang, insurans kilang, susut nilai mesin dan sebagainya.

### 3. Akaun Pengeluaran

- **Akaun Pengeluaran** disediakan untuk **mengukurkan kos pengeluaran** bagi barangan yang disiapkan dalam satu tempoh perakaunan.
- Semua akaun belanja yang berkaitan dengan kos pengeluaran seperti kos bahan langsung, kos beuruh langsung, kos belanja langsung dan kos overhed, akan ditutup dengan memindahkan belanja tempoh tersebut ke Akaun Pengeluaran.

- Kos pengeluaran yang dikirakan dalam Akaun Pengeluaran akan **dipindahkan ke Akaun Perdagangan**.
- Pengiraan kos pengeluaran perlu mengambil kira kerja dalam proses pada akhir tempoh, jika ada. **Kerja dalam proses** merujuk kepada **barangan yang masih belum disiapkan atau separuh siap pada akhir tempoh**. Ini dikenali sebagai kerja dalam proses akhir.
- **Kerja dalam proses akhir** dalam satu tempoh akan menjadi **kerja dalam proses awal** dalam tempoh yang berikutnya. Rumus pengiraan kos pengeluaran dengan kerja dalam proses adalah:

**Kos pengeluaran**

$$= \text{Kos bahan langsung} + \text{Kos buruh langsung} + \text{Kos belanja langsung} + \text{Kos overhed} + \text{Kerja dalam proses awal} - \text{Kerja dalam proses akhir}$$

- Akaun Pengeluaran boleh disediakan dalam bentuk “T” atau penyata. Contoh Akaun Pengeluaran dan Akaun Perdagangan dalam bentuk “T”:

Nama Perniagaan				
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir.....				
	RM	RM		RM
<b>Kos bahan langsung</b>			Akaun Perdagangan	xx
Inventori awal bahan langsung		xx		
(+) Kos belian bahan langsung				
Belian bahan langsung	xx			
(-) Pulangan belian bahan langsung	xx			
	xx			
(+) Angkutan masuk bahan langsung	xx			
Cukai belian bahan langsung	xx	xx		
		xx		
(-) Inventori akhir bahan langsung		xx		
Kos bahan langsung digunakan		xx		
<b>Kos buruh langsung</b>				
Upah buruh langsung		xx		
<b>Kos belanja langsung</b>				
Royalti	xx			
Cap dagangan	xx	xx		
<b>Kos Prima</b>		xx		
<b>Kos overhed</b>				
Kadar bayaran kilang	xx			
Sewa kilang	xx			
Insurans kilang	xx			
Susut nilai loji dan mesin	xx			

Alat-alat kecil	XX			
Gaji penyelia	XX			
Bahan tak langsung	XX	XX		
		XX		
(+) Kerja dalam proses awal		XX		
		XX		
(-) Kerja dalam proses akhir		XX		
		XX		XX

<b>Nama Perniagaan</b>			
<b>Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir.....</b>			
	RM		RM
Inventori awal barang siap	XX	Jualan	XX
<b>(+) Kos pengeluaran</b>	<b>XX</b>	(-) Pulangan jualan	XX
	XX	Jualan bersih	XX
(-) Inventori akhir barang siap	XX		
Kos jualan	XX		
Untung kasar	XX		
	XX		XX

Contoh Akaun Pengeluaran dan Akaun Perdagangan dalam format penyata:

<b>Nama Perniagaan</b>		
<b>Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir.....</b>		
	RM	RM
<b>Kos bahan langsung</b>		
Inventori awal bahan langsung		XX
(+) Kos belian bahan langsung		
Belian bahan langsung	XX	
(-) Pulangan belian bahan langsung	XX	
	XX	
(+) Angkutan masuk bahan langsung	XX	
Cukai belian bahan langsung	XX	XX
		XX
(-) Inventori akhir bahan langsung		XX
Kos bahan langsung digunakan		XX
<b>Kos buruh langsung</b>		
Upah buruh langsung		XX
<b>Kos belanja langsung</b>		
Royalti	XX	
Cap dagangan	XX	XX
<b>Kos Prima</b>		XX
<b>Kos overhed</b>		

Kadar bayaran kilang	XX	
Sewa kilang	XX	
Insurans kilang	XX	
Susut nilai loji dan mesin	XX	
Alat-alat kecil	XX	
Gaji penyelia	XX	
Bahan tak langsung	XX	XX
		XX
(+) Kerja dalam proses awal		XX
		XX
(-) Kerja dalam proses akhir		XX
<b>Kos Pengeluaran</b>		<b>XX</b>

Nama Perniagaan Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir.....		
	RM	RM
Jualan		XX
(-) Pulangan jualan		XX
Jualan bersih		XX
Tolak: Kos Jualan		
Inventori awal barang siap	XX	
<b>(+) Kos pengeluaran</b>	<b>XX</b>	
	XX	
(-) Inventori akhir barang siap	XX	XX
Untung kasar		XX

Nota: Kos pengeluaran dari Akaun Pengeluaran akan menjadi sebahagian daripada komponen pengiraan kos jualan dalam Akaun Perdagangan.

#### 4. Pengenalan kepada analisis Titik Pulang Modal

- **Analisis Titik Pulang Modal** merujuk kepada pengiraan untuk mendapatkan satu paras pengeluaran di mana perniagaan memperoleh **keuntungan sifar, iaitu tiada untung, tiada rugi**.
- Pada tahap pengeluaran Titik Pulang Modal, **jumlah hasil adalah sama dengan jumlah kos**.
- Analisis Titik Pulang Modal hanya boleh digunakan apabila andaian-andaian berikut wujud:
  - Semua kos boleh diasingkan kepada kos berubah dan kos tetap.
  - Perubahan dalam hasil dan kos hanya berlaku disebabkan oleh perubahan dalam bilangan unit keluaran.
  - Harga jualan seunit, kos berubah seunit dan kos tetap adalah malar.
  - Hanya satu jenis produk dikeluarkan dan kesemuanya dijual.

- Kegunaan spesifik analisis Titik Pulang Modal kepada pihak pengurusan ialah:
  - Menentukan paras pengeluaran untuk mencapai keuntungan sifar, iaitu unit pengeluaran Titik Pulang Modal.
  - Membantu pihak pengurusan merancang dan mengawal hasil dan kos bagi mencapai objektif yang ditetapkan.
  - Menunjukkan keuntungan atau kerugian perniagaan pada satu tingkat jualan.
  - Menentukan unit keluaran yang diperlukan untuk mencapai untung sasaran perniagaan.

#### 5. Memahami kos tetap dan kos berubah

- Konsisten dengan andaian analisis Titik Pulang Modal, semua kos pengeluaran boleh dibahagikan kepada **kos tetap dan kos berubah**.
- **Ciri-ciri kos tetap:**
  - Tidak berubah (tetap) walaupun paras pengeluaran berubah.
  - Dibayar untuk faktor pengeluaran tetap.
  - Perlu bayar walaupun unit tidak dikeluarkan
  - Kos tetap adalah sama pada setiap paras pengeluaran, tetapi kos tetap seunit akan menurun apabila unit pengeluaran meningkat.
  - Contoh kos tetap: Gaji penyelia, sewa kilang, insurans kilang, susut nilai mesin dan sebagainya.
- **Ciri-ciri kos berubah**
  - Bayaran untuk faktor pengeluaran berubah
  - Berubah selaras dengan perubahan dalam unit pengeluaran
  - Kos berubah adalah sifar apabila tiada pengeluaran
  - Jumlah kos berubah meningkat secara langsung dengan peningkatan paras pengeluaran, tetapi kos berubah seunit adalah sama pada setiap tingkat pengeluaran
  - Contoh kos berubah: kos bahan langsung, kos buruh langsung dan kos belanja langsung.

#### 6. Pengiraan Titik Pulang Modal

- **Margin caruman** adalah **lebih hasil jualan berbanding dengan jumlah kos berubah**. Rumus pengiraan margin caruman adalah:

<b>Jumlah Margin Caruman</b> = Jumlah hasil – Jumlah kos berubah
<b>Margin Caruman seunit</b> = Harga jualan seunit – Kos berubah seunit

- Rumus pengiraan Titik Pulang Modal

Rumus menghitung Titik Pulang Modal dalam unit	Rumus menghitung Titik Pulang Modal dalam nilai ringgit
$= \frac{\text{Kos tetap}}{\text{Margin Caruman seunit}}$	$= \left( \frac{\text{Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman seunit}} \right) \times \text{Harga jualan seunit}$ <p style="color: red;">Atau;</p> $= \text{Unit Titik Pulang Modal} \times \text{Harga Jualan seunit}$

- Analisis Titik Pulang Modal juga boleh digunakan untuk:
  - Mengirakan keuntungan perniagaan apabila kuantiti jualan telah ditetapkan (kuantiti sasaran); atau,
  - Mengirakan kuantiti jualan apabila keuntungan yang diperlukan telah ditetapkan (keuntungan sasaran).
- Pengiraan kuantiti pada untung sasaran atau keuntungan pada kuantiti sasaran boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah margin caruman. Rumus pengiraannya adalah:

Rumus Pengiraan Kuantiti pada Untung Sasaran	Rumus Pengiraan Keuntungan pada Kuantiti Sasaran
$= \frac{\text{Kos tetap} + \text{Untung sasaran}}{\text{Margin Caruman seunit}}$	$= (\text{Kuantiti sasaran} \times \text{Margin Caruman seunit}) - \text{Kos tetap}$

### 7. Mengasingkan kos tetap dan kos berubah dari jumlah kos

- Satu daripada andaian analisis Titik Pulang Modal adalah semua kos perlu dibahagikan kepada kos tetap dan kos berubah.
- Pengasingan kepada kos berubah dan kos tetap boleh dilakukan apabila maklumat jumlah kos ini telah diberikan pada dua paras pengeluaran serta andaian bahawa kos tetap dan kos berubah seunit adalah malar pada setiap paras pengeluaran.
- Dengan andaian-andaian analisis Titik Pulang Modal ini, kos berubah dan kos tetap boleh diasingkan dengan rumus berikut:

Rumus Mengirakan kos berubah seunit	Rumus Mengirakan kos tetap
$= \frac{\text{Perubahan dalam jumlah kos antara dua paras pengeluaran}}{\text{Perubahan dalam unit antara dua paras pengeluaran yang sama}}$	$= \text{Jumlah kos pada satu paras pengeluaran} - \text{Jumlah kos berubah pada paras pengeluaran yang sama}$


### 8. Graf Titik Pulang Modal

- Kaedah graf merupakan satu lagi cara untuk menentukan unit dan nilai ringgit Titik Pulang Modal.
- **Graf Titik Pulang Modal** menunjukkan perhubungan antara kos, hasil dan untung bagi sesuatu produk pada tingkat pengeluaran yang berbeza. **Titik persilangan antara garisan jumlah hasil dan jumlah kos** adalah titik di mana jumlah hasil sama dengan jumlah kos. Ini bererti pada titik ini keuntungan adalah sifar. Titik inilah merupakan **Titik Pulang Modal**.
- Ciri-ciri graf Titik Pulang Modal:

#### Ciri-ciri Graf Titik Pulang Modal

- Paksi-y mewakili Jumlah kos dan Jumlah hasil
- Paksi-x mewakili Unit keluaran
- Garisan kos tetap adalah malar pada setiap tingkat pengeluaran. Ia adalah satu garisan yang selari dengan paksi-x
- Garisan Jumlah hasil adalah satu garisan linear yang bermula dari titik asalan (0).
- Garisan Jumlah kos juga satu garisan linear yang bermula dari titik permulaan kos tetap. Ini adalah kerana pada unit pengeluaran sifar, jumlah kos ini terdiri daripada kos tetap sahaja. Jumlah kos = Kos tetap + Kos berubah.

- Penjelasan bagi graf Titik Pulang Modal:



#### Rumusan:

- |   |  |
|---|--|
| 1 | Titik persilangan antara jumlah hasil dan jumlah kos. Titik ini adalah Titik Pulang Modal.   |
| 2 | Kawasan berlorek ini menunjukkan perbezaan antara jumlah hasil dan jumlah kos selepas Titik Pulang Modal dicapai. Kawasan ini adalah kawasan keuntungan. |



3	Kawasan berlorek ini menunjukkan perbezaan antara jumlah hasil dan jumlah kos sebelum Titik Pulang Modal dicapai. Kawasan ini adalah kawasan kerugian.
4	Titik Pulang Modal dalam unit
5	Titik Pulang Modal dalam nilai ringgit

- Langkah-langkah penyediaan graf Titik Pulang Modal:

Langkah	Tatacara
1	<b>Buat andaian unit keluaran.</b> Ini adalah skala untuk paksi-x. Untuk membantu anda menentukan andaian unit keluaran yang lebih baik, kira Titik Pulang Modal secara kaedah margin caruman terdahulu. Lakaran graf menjadi lebih mudah jika soalan telah memberikan andaian unit keluaran.
2	<b>Bina jadual untuk mengira jumlah kos dan jumlah hasil bagi setiap tingkat unit keluaran</b> berdasarkan kepada andaian unit keluaran di langkah 1. Rumus Jumlah Kos: = Kos tetap + (Unit keluaran x Kos berubah seunit) Rumus Jumlah Hasil: = Unit keluaran x Harga jualan seunit
3	<b>Melakarkan garisan Kos tetap, Jumlah kos dan Jumlah hasil</b> Garis Kos Tetap adalah garisan selari dengan paksi-x Garis Jumlah Kos akan bermula daripada garisan Kos Tetap Garis Jumlah Hasil akan bermula daripada titik asal (0, 0)
4	<b>Menentukan Titik Pulang Modal</b> , iaitu titik di mana garisan jumlah hasil bersilang dengan garisan jumlah kos.

- Baca nota lengkap, lihat video pembelajaran dan buat latihan yang disediakan dalam modul topik ini di laman web [www.kvk-accounting.com](http://www.kvk-accounting.com)